

UPM sedia khidmat komprehensif

Universiti Putra Malaysia (UPM) merujuk aduan Putra Hassan dalam *BH* bertarikh 13 September mengenai beberapa dakwaan dihadapi pelajar sarjana di UPM.

Sebagai Universiti Penyelidikan, UPM sentiasa berusaha melaksanakan amalan terbaik berdasarkan standard antarabangsa dalam pentadbiran pelajar sarjana bagi memastikan graduan UPM mempunyai reputasi global.

UPM menyediakan pelbagai sumber dan khidmat sokongan komprehensif bagi pelajar sarjana mengurus masa, menjalankan penyelidikan, menulis tesis, persediaan 'viva voice', penerbitan makalah dalam pelbagai jurnal, khidmat sokongan kumpulan rakan sebaya dan menjalankan kursus penyediaan efektif untuk semua pensyarah.

Pastikan pelajar dapat bergraduasi

Inisiatif diambil UPM ini semata-mata untuk memastikan pelajar dapat bergraduasi dengan cemerlang dalam tempoh masa ditetapkan dan seterusnya pelajar dapat menyumbang bakti kepada organisasi, masyarakat dan negara.

Untuk pengetahuan Putra Hassan, tempoh dua tahun bagi program Master (berasaskan penyelidikan) adalah standard digunakan di universiti antarabangsa. Bagaimanapun, sistem diamalkan UPM ini membenarkan pelajar untuk me-

mohon perlanjutan sekiranya perlu berdasarkan justifikasi dan rasional yang boleh dipertimbangkan universiti.

Komen tak tepat

Komen mengenai pembelian barang penyelidikan yang membebankan adalah tidak tepat kerana pembelian barangan penyelidikan menggunakan peruntukan penyelidikan penyelia dan kos penyelidikan siswazah pula di tanggung di bawah peruntukan penyelidikan pensyarah (ketua penyelidik) dan bukannya dibiayai pelajar. Bagaimanapun, sekiranya wujud seperti didakwa, pihak universiti akan menyasat perkara ini dengan lebih teliti dan Putra Hassan boleh membantu kami dengan memberi bukti sah.

Berkenaan CGPA pula, semua pelajar UPM sedia maklum dengan sistem penilaian dalam semua program pengajian termasuk program sarjana yang ditetapkan universiti, yang mana pelajar perlu mencapai CGPA minimum mengikut program siswazah kerana ia adalah syarat penting seperti terkandung dalam peraturan universiti.

Menyentuh tempoh penan-

tian viva panjang hingga pelajar terpaksa menunggu beberapa bulan sebelum pembentangan akhir, ia adalah suatu kenyataan yang tidak tepat. Hakikatnya, proses viva di UPM membabitkan proses masa iaitu tempoh pengantaran tesis selama tiga bulan, dua bulan diberi kepada pemeriksa dalam dan luar, dan dalam tempoh satu bulan seterusnya, viva dijalankan. Tempoh dilaksanakan oleh UPM ini adalah selari dengan kriteria universiti terkemuka. Bagaimanapun, ada masanya ada sebilangan kecil pelajar yang terpaksa menunggu lebih tiga bulan atas sebab-sebab yang tidak

dapat dielakkan, tetapi pihak universiti sentiasa memantau perkara ini dan berusaha untuk mempercepatkan proses 'viva voice'.

Sangkal sukar terbit makalah

UPM juga menyangkal pandangan bahawa pelajar mempunyai kesukaran menerbitkan makalah dalam jurnal kerana peratus pelajar yang memenuhi keperluan penerbitan jurnal artikel adalah tinggi dan ini dapat dilihat daripada jumlah pelajar bergraduasi tepat dalam tempoh masa di-

tetapkan. UPM menetapkan pelajar master menerbitkan hanya sebuah artikel dan pelajar doktor falsafah (PhD) dua artikel.

UPM amat menyokong cadangan bahawa penyelia memainkan peranan penting untuk memastikan pelajar lulus dengan cemerlang. Bagaimanapun, pelajar juga mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menguruskan kejayaan cemerlang dalam pengajian. Kesukaran dalam penulisan tesis bukan isunya, apa yang lebih penting ialah pelajar perlu mahir dalam mengurus masa, fokus dan tekun dalam melaksanakan kerja penyelidikan.

Pelajar sarjana bergraduasi meningkat

UPM sememangnya komited dalam memastikan pelajar dapat bergraduasi dalam tempoh ditetapkan. Oleh itu, statistik menunjukkan jumlah pelajar sarjana yang bergraduasi di UPM meningkat secara produktif, yang mana tahun lalu (2011) lebih daripada 1,600 pelajar master dan 370 pelajar PhD berjaya bergraduasi. Tahun 2012 pula, UPM mencatatkan seramai 2,200 pelajar master dan 460 pelajar PhD yang akan bergraduasi pada 13 hingga 15 Oktober ini. Data ini menggembarakan bahawa UPM mempunyai sistem penyediaan yang cekap dan berkesan dalam memenuhi objektif kualiti akademik universiti.

Pengarah

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia